



### **Kerajaan laksana 3 pendekatan bagi konservasi Harimau Malaya**

Oleh Saadiyah Ismail - Julai 29, 2023 @ 6:14pm  
saadiyah\_ismail@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim akan melaksanakan sembilan tindakan luar biasa dengan tiga pendekatan bagi konservasi Harimau Malaya sehingga 2030.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata pendekatan berkenaan adalah mengukuhkan usaha bagi menghentikan penurunan populasi, meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi serta memperkasakan inisiatif bagi memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.

Katanya, kerajaan juga sudah menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya dan melaksanakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti membabitkan peruntukan sebanyak RM50 juta dan pelantikan 1,500 orang Renjer Komuniti.

"Selain itu, mengukuhkan kerjasama strategik penguatkuasaan melalui Operasi Bersepadu Khazanah (OBK), menubuhkan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah Polis Diraja Malaysia dan melaksanakan program konservasi ex-situ di Pusat Konservasi Harimau Malaya di Pahang.

"Usaha yang dilakukan itu juga kini menampakkan hasil apabila seramai 349 pesalah warganegara Malaysia dan 111 warganegara asing dengan jumlah sitaan lebih daripada RM112 juta berjaya ditangkap sejak 2019.

"Selain itu sebanyak 1,875 jerat yang dijumpai di dalam kawasan operasi berjaya dimusnahkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Harimau Malaya dilaporkan kini diancam kepupusan kerana populasinya berada pada tahap yang amat membimbangkan iaitu kurang daripada 150 ekor di habitat semula jadinya.

Dijangka juga, jumlah haiwan berkenaan akan pupus dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang sekiranya tindakan luar biasa tidak diambil.

Nik Nazmi dalam pada itu mengucapkan tahniah kepada kerajaan Perak atas kejayaan Taman Negeri Royal Belum menerima akreditasi di bawah program Conservation Assured Tiger Standards (CAT | S).

Kejayaan itu meletakkan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini yang mendapat pengiktirafan.

"Kerajaan akan terus mengukuhkan usaha-usaha untuk menyelamatkan Harimau Malaya yang menjadi spesies ikonik dan simbol Jata Negara dengan komitmen padu semua pihak," katanya.